

NCDC 2.0 lonjak dasar pendidikan berasaskan data – Fadhlina

Putrajaya, 12 Disember - Peluncuran Sistem National Child Data Centre (NCDC) 2.0 serta integrasi Education for Sustainable Development (ESD) menjadi pemangkin penting dalam usaha negara memperkukuh pendidikan awal kanak-kanak berasaskan data yang lebih tersusun dan berkesan.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, NCDC 2.0 yang dibangunkan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), berfungsi sebagai pangkalan data komprehensif untuk rujukan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, penggubal dasar, industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menurutnya, sistem itu turut menerima kerjasama penuh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN), Bahagian PERMATA, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) serta Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. "NCDC telah membuktikan keberkesanan

di peringkat antarabangsa apabila NCDC diiktiraf UNICEF Indonesia dan Kementerian Pendidikan serta Kebudayaan Indonesia sebagai pakar rujuk pembangunan pangkalan data kanak-kanak pada 2017. "Sistem ini juga memainkan peranan semasa pandemik COVID-19 apabila digunakan bagi menyokong proses permohonan kelayakan TASKA untuk menerima bantuan JKM di bawah Pakej PEMULIH," katanya ketika merasmikan majlis peluncuran itu di Putrajaya International Convention Centre (PICC), hari ini.

Fadhlina menegaskan bahawa data berpusat menjadi asas penting dalam membuat keputusan berasaskan bukti serta merangka dasar lebih inklusif yang dapat memperkukuh kerjasama kerajaan, industri dan masyarakat sivil. "KPM menyambut baik peluasan penggunaan sistem ini ke peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah sebagai usaha meningkatkan kualiti pendidikan kanak-kanak," katanya lagi. Beliau turut mengiktiraf peranan NCDC sebagai rakan strategik dalam pembangunan Kurikulum Persekolahan 2026, termasuk penyelarasan semula umur prasekolah serta penyediaan modul pendidikan berasaskan data. Dalam majlis sama, Fadhlina menyampaikan penghargaan kepada UPSI dan NCDC atas pencapaian memperkenalkan ESD di peringkat prasekolah sehingga diiktiraf sebagai sebahagian rangkaian sekolah UNESCO di Malaysia.

"Inisiatif ini membentuk kesedaran awal mengenai kelestarian alam sekitar, selain mencerminkan komitmen institusi akademik terhadap pembinaan generasi masa depan," katanya lagi. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, peluncuran NCDC 2.0 dan integrasi ESD menandakan komitmen UPSI dalam memperkukuh dasar pendidikan awal negara berasaskan data dan penyelidikan. Menurutya, NCDC 2.0 kini merekodkan 3,273 TASKA berdaftar, 16,350 kakitangan, 75,663 kanak-kanak bawah lima tahun, serta 454,000 rekod perkembangan kanak-kanak, termasuk kohort kelahiran pertama pada 2010.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



22 pelajar UPSI perkuat kontinjen Malaysia ke Sukan SEA 2025

Bangkok, 14 Disember - Atlet dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya mengharumkan nama Malaysia dengan mewakili negara ke Sukan SEA 2025, yang berlangsung di Stadium Nasional Suphacalasai, Bangkok, dari 9 hingga 20 Disember ini.

Daripada 22 atlet yang terlibat, 21 merupakan pelajar Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK), manakala seorang lagi daripada Fakulti Sains dan Matematik (FSM), sekali gus mencerminkan kemampuan UPSI melahirkan atlet berprestasi tinggi merentasi pelbagai bidang akademik.

Antara atlet pelajar UPSI yang terpilih daripada program Diploma Sains Sukan dan Kejurulatihan ialah Danish Iftikhar Muhammad Roslee,

atlet olahraga yang turut mengetuai kontinjen 22 pelajar UPSI mewakili negara ke temasya dwitahunan itu.

Atlet UPSI bertanding dalam beberapa cabang sukan utama termasuk baseball (enam atlet), sofbol (tiga), kayak (empat), olahraga (dua) dan bola baling (dua).

Selain itu, UPSI turut diwakili seorang atlet bagi setiap sukan kabaddi, floorball, bola tampar pantai, hoki ais dan sepak takraw.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, berkata pemilihan itu membuktikan tahap kecemerlangan serta disiplin tinggi pelajar universiti berkenaan yang mampu mengimbangi tuntutan akademik dan latihan sukan di peringkat elit.

Pelajar UPSI catat rekod baharu kebangsaan 200 meter di Sukan SEA

Bangkok, 14 Disember - Kejayaan atlet pecut negara, Danish Iftikhar Muhammad Roslee yang juga pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), mencipta sejarah apabila memecahkan rekod kebangsaan acara 200 meter lelaki pada Sukan SEA 2025, meskipun sekadar meraih pingat gangsa.

penampilan sulungnya di temasya Sukan SEA.

Sementara itu Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Danish yang disifatkan bukan sahaja mengharumkan nama negara, malah mengangkat reputasi universiti di pentas sukan antarabangsa.

Atlet berusia 18 tahun itu mencatat masa 20.73 saat dalam aksi final di Stadium Nasional Suphachalasai, sekaligus memadam rekod kebangsaan yang bertahan sejak 2019.

Menurut beliau, kejayaan memecahkan rekod kebangsaan pada usia muda mencerminkan disiplin tinggi, latihan sistematik serta sokongan padu jurulatih dan keluarga, selain ekosistem pembangunan sukan yang holistik di UPSI.

Pingat emas dimenangi atlet tuan rumah, Puripol Boonson dengan catatan 20.07 saat, manakala pelari Singapura, Marc Brian Louis meraih perak.

Danish sebelum ini turut menyumbang pingat gangsa acara 100 meter, sekali gus mengesahkan statusnya sebagai antara prospek pecut terbaik negara.

Danish menyifatkan pencapaian itu amat bermakna khususnya pada



Penerbitan ilmiah UPSI unggul Majlis Anugerah MAPIM-KPT Ke-16

Kuala Lumpur, 11 Disember - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengungguli bidang penerbitan ilmiah apabila meraih pelbagai anugerah berprestij pada Majlis Anugerah MAPIM-KPT Ke-16 yang berlangsung di Dewan Zaaba, Kementerian Pendidikan Tinggi, Putrajaya Selasa lalu. Majlis berprestij anjuran Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik & Penyelidikan), Prof. Dr. Zainal Amin Ayub. UPSI menerima empat anugerah, sekali gus mengukuhkan reputasinya sebagai antara institusi peneraju dalam penerbitan ilmiah dan penyelidikan berimpak tinggi di peringkat nasional.

berkata pengiktirafan tersebut dicapai melalui kualiti penerbitan jurnal dan hasil penyelidikan yang tinggi menerusi Journal of ICT in Education (JICTIE) yang berjaya meraih tempat pertama bagi kategori Makalah Jurnal Terbaik Sains Sosial dan Ilmu Kemanusiaan (Kebangsaan) bagi artikel bertajuk “Designing Immersive Narratives of Jugra Heritage Site for Cultural Edutainment Using Mixed Reality (MR)”, hasil penulisan Mazarina Mat Zain bersama pasukan penyelidik.

Dalam kategori antarabangsa pula, UPSI meraih tempat ketiga melalui makalah "Pianists' Interpretive Insight: Exploring Hunt, Military and Pastoral Motifs through Monelle's Topic Theory" yang diterbitkan dalam Malaysian Jjournal of Music (MJM) hasil penulisan Ding Jin, Poon Chiew Hwa dan Feng-Hsu Lee. Selain itu, Jurnal Educatum (Journal of Science, Mathematics and Technology) turut menerima pengiktirafan apabila memenangi tempat ketiga bagi kategori Makalah Jurnal Terbaik Sains dan Teknologi (Kebangsaan) melalui kajian bertajuk "Incorporation of Graphene Oxide/ Metal Oxide into Modified Polyvinylidene

Fluoride Membrane
for the Degradation of
Methylene Blue Dye
Through Adsorption
Photocatalytic Activity”
yang diketuai oleh Siti
Nor Aisyah Jamilon
bersama pasukan
penyelidik.

Prof. Dr. Nordin Mamat dinobatkan sebagai Penulis Prolifik Terbaik, sekali gus mengangkat nama UPSI sebagai institusi penerbitan universiti yang aktif dan berkualiti serta sering dijadikan rujukan dalam pelbagai bidang pendidikan awal kanak-kanak, kepimpinan dan kemasyarakatan. Prof. Dr. Nordin Mamat merupakan seorang pakar dalam pendidikan awal kanak-kanak di Fakulti Pembangunan Manusia, UPSI.

Beliau mengetahui banyak kajian dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak seperti kajian perbandingan kualiti pencapaian prasekolah KPM, KEMAS, JPNIN dan TADIKA Swasta; Kajian kebolehlaksanaan Tabika JPNIN di bawah KPM untuk memperkukuhkan kemahiran guru dan perjawatan, pola interaksi dan sosio emosi kanak-kanak (Etnik China and India; Modifikasi tingkahlaku kanak-kanak di TASKA, kajian penilaian TADIKA PERKIM dan penilaian modul karektor.

